

PERLAKSANAAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN, 1994 DI INSTITUT LATIHAN AWAM

HELMI BIN HJ. HARON

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## ABSTRAK

Akta 514 atau dikenali sebagai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah diwartakan pada 24 Februari 1994 bertujuan untuk menjadi payung kepada semua akta yang mengawal atau mengurus keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Akta ini adalah berasaskan kepada beberapa prinsip. Antaranya ialah pengaturan kendiri. Menurut Akta 514, pihak majikan yang mempunyai jumlah pekerja seramai 40 orang atau lebih perlu mengadakan satu polisi dan sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Bermula dengan satu polisi keselamatan dan kesihatan untuk pekerja-pekerjanya, pihak majikan juga perlu mengadakan satu jawatankuasa yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan untuk dilaksanakan. Oleh itu, satu kajian telah dilakukan di salah sebuah Institut Latihan Awam (ILA) di bawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor bagi mengenalpasti polisi dan sistem pengurusan kerja yang berkait rapat dengan keselamatan dan kesihatan di Institut tersebut. Tiga objektif telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu objektif pertama, mengenalpasti polisi dan sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan yang dipraktikkan oleh pengurusan ILP Pasir Gudang, objektif kedua, menilai tahap keselamatan dan kesihatan ke atas pekerja ILP Pasir Gudang dan objektif ketiga, memberikan cadangan dan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di ILP Pasir Gudang. Data-data telah dikumpul melalui kaedah teoritikal, kaedah temubual dan soal selidik terhadap responden yang terdiri daripada kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan pengajar di Bahagian Teknikal yang bekerja di ILP Pasir Gudang. Kajian teoritikal dilakukan bagi memperolehi data primer iaitu melalui jurnal dan bahan-bahan rujukan yang lain bagi membentuk soalan-soalan kepada pihak responden yang terlibat. Selain itu, kaedah analisa secara ‘cross-tab’ juga digunakan dalam kajian ini. Penemuan utama kajian ini telah dapat mengenalpasti polisi yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di Institut tersebut dan seterusnya cadangan dan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan dapat dihasilkan. Justeru itu, hasil dari kajian dapat membantu pihak pengurusan ILP Pasir Gudang dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan di Institut tersebut seperti yang dikehendaki dalam Akta 514.

## ABSTRACT

Act 514, Act of Safety and Health of Work 1994 was a gazette out on 1994 February, 24<sup>th</sup> with the purpose of blaze the trail for every act which is control and manage the Safety and Health in working place. This Act based on some principle. One of the principles is self-regulation. According to the Act, employers which have 40 or more employees must have one policy and working management system related to the safety and health at the working place. Started with the policy of Safety and Health for their employees, employer should establish the committee which is related to the safety and health and implemented it. Thus, one research related the safety and health on the Industrial Training Institute (ITI) of Pasir Gudang (one of the Public Training Institute under Man Power Department, Ministry of Human Resource) have been made to identify the policy and working management system at the Institute. Three objectives have been setup to the research. It is to identify the policy and working management system practice in the ITI of Pasir Gudang, second objective to evaluate the level of safety and health on the employees at ITI of Pasir Gudang and third objective to give some suggestions and good things added on the working management system related to the safety and health at the Institute. The data have been collected from the respondents which are worked at the Institute (staff from administration division and lecturer form technical division) through by theoretical method, conversation method and questionnaire. Doing theoretical method is to get the premier data (from the journal and material as references) before designing the questionnaire for the respondent involved. The cross-tab analysis method is used to analyses the collecting data from the questionnaire. The research has found the policy of Safety and Health for the Institute which is the main objective in the research. Hence, the suggestions on the working management system related to the safety and health issue can be made it. Thus, from the result of the research can help the top management of ITI Pasir Gudang to enhance the level of safety and health at the institute as the Act 514 need.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	iv
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>1</b>	<b>ISU PERLAKSANAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA</b>	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Skop Kajian	5
1.5	Jangkaan Hasil Daripada Kajian	6
1.6	Organisasi Bab	6
1.7	Kesimpulan	8
<b>2</b>	<b>KAEDAH MELAKSANAKAN KAJIAN KES</b>	
2.1	Pengenalan	9
2.2	Proses Kajian	9
2.3	Strategi Kajian	10
2.3.1	Kaedah Mencapai Objektif Pertama	12
2.3.2	Kaedah Mencapai Objektif Kedua	13

2.3.3	Kaedah Mencapai Objektif Ketiga	24
2.4	Rumusan Kajian	24
2.5	Kesimpulan	25
<b>3</b>	<b>KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA</b>	
3.1	Kemalangan di Tempat Kerja	26
3.2	Kategori Kemalangan	26
3.3	Punca-punca Kemalangan	31
3.4	Elemen Kemalangan	33
3.5	Peralatan dan Pakaian Keselamatan	36
3.6	Kesimpulan	42
<b>4</b>	<b>POLISI DAN SISTEM PENGURUSAN KERJA YANG BERKAITAN DENGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI ILP PASIR GUDANG</b>	
4.1	Pengenalan	43
4.2	Definasi Polisi dan Sistem Pengurusan Kerja	43
4.3	Perkaitan Elemen Keselamatan Dengan Pengurusan Aset Kerajaan Malaysia	44
4.3.1	Kepentingan Pengurusan Penyelenggaraan Aset Kerajaan	46
4.4	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	47
4.5	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)	48
4.6	Implikasi Perlaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994	51
4.7	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	54
4.7.1	Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Manusia	55
4.7.2	Objektif Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, JTM	56
4.8	Senarai Tugas Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, JTM	62

4.8.1	Tugas dan Tanggungjawab Organisasi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	62
4.8.2	Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	64
4.8.3	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	65
4.8.4	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kecil Kecemasan, Kebakaran dan Pengosongan Bangunan	67
4.8.5	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kecil Audit Keselamatan dan Kesihatan	67
4.8.6	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kecil Pertolongan Cemas	67
4.9	Analisa Polisi dan Sistem Pengurusan Kerja	68
4.10	Kesimpulan	69

## **5 PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI ILP PASIR GUDANG**

5.1	Pengenalan	70
5.2	Analisa Soal Selidik Responden	71
5.3	Analisa Peratusan dan Analisa Frekuensi	72
5.3.1	Bahagian A : Analisa Demografi Responden	72
5.3.2	Taburan Bahagian tempat bertugas, Jantina, Umur, Pendidikan dan Kursus KKP oleh Responden	73
5.4	Analisa Perbandingan Min	75
5.4.1	Bahagian B : Analisa Terhadap Elemen-elemen Keselamatan	75
5.4.2	Purata Keseluruhan Elemen-elemen Keselamatan di Bahagian B	94
5.5	Soalan Terbuka	95
5.5.1	Bahagian C : Pendapat dan Cadangan Mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di ILP Pasir Gudang	96
5.6	Analisis Data Soalan Temubual	97
5.7	Kesimpulan	98

## **BAB 1**

### **ISU PERLAKSANAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA**

#### **1.1 Pendahuluan**

Para pekerja adalah antara aset penting negara dan menjadi tulang belakang proses pembangunan dimana tanpa sumbangan mereka, pembangunan ekonomi dan sosial tidak akan tercapai. Justeru itu, usaha-usaha sentiasa dijalankan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja tidak terjejas. Pekerja yang tidak sihat, tidak dapat menyumbangkan kepada produktiviti diri atau perusahaan atau negaranya.

Keperihatinan dan komitmen pihak Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dilihat dengan penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Sebuah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah ditubuhkan kerajaan adalah bertujuan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, memberi khidmat teknik dan kepakaran, dan menyediakan latihan kepada pekerja-pekerja di dalam bidang keselamatan dan kesihatan mereka (Mahathir Mohamad, 1994).

Dengan penubuhan NIOSH, pihak Kerajaan Malaysia berharap agar para pekerja di pelbagai sektor di negara ini akan lebih peka terhadap isu keselamatan dan kesihatan sewaktu melaksanakan tugas yang diberi di tempat kerja. Kesedaran tentang isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja seharusnya telah diambil

tindakan yang sewajarnya oleh pihak majikan terhadap para pekerja mereka agar lebih peka kepada masalah yang akan timbul dan boleh mendatangkan kemudaratan sekiranya tidak ada langkah awal bagi menangani masalah tersebut.

## 1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan tentang aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlulah bermula diperingkat awal usia kanak-kanak lagi. Ini bermakna ibu bapa haruslah memberikan kesedaran tentang aspek keselamatan dan kesihatan kepada anak-anak mereka bermula dari rumah hingga ke pendidikan anak-anak di peringkat persekolahan oleh guru-guru dan seterusnya hingga ke peringkat tinggi pendidikan iaitu di institusi pengajian tinggi.

Langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah diterapkan dalam pembelajaran anak-anak sama ada secara formal atau tidak formal bermula dari rumah ke peringkat sekolah dan seterusnya ke peringkat pengajian tinggi. Perkara ini adalah amat penting kerana isu kemalangan dan kecederaan yang berlaku di premis sekolah ada dipaparkan dalam media dimana insiden dan kemalangan ini melibatkan guru, pekerja sekolah dan juga pelajar.

Sebagai contoh bagi isu keselamatan, kejadian yang pernah berlaku di Sungai Siput, Perak di mana 12 orang pelajar cedera dan 3 daripadanya cedera parah apabila dihempap tembok konkrit penghadang tanah sepanjang 10 meter yang runtuh. Kejadian ini berlaku kira-kira jam 10.45 pagi sewaktu pelajar tersebut menyertai sukaneka di sebuah padang permainan di Sekolah Rendah Kebangsaan Methodist (Utusan Malaysia, 15/09/2006).

Pengajaran yang boleh diperolehi dari kejadian tersebut adalah pihak majikan (syarikat kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan tersebut) yang dilantik oleh pihak berkuasa (pengurusan sekolah) perlu memastikan setiap hasil kerja yang dilakukan oleh pekerja mereka (pekerja syarikat kontraktor) tidak akan mendatangkan insiden kemalangan kepada pihak yang lain (pelajar, guru dan

masyarakat setempat) kerana sebagai ibu bapa, sudah tentu mereka mahu memastikan keselamatan dan kesihatan anak-anak mereka terjamin ketika berada di sekolah (Lee Lam Thye, 2007).

Selain isu keselamatan, isu kesihatan juga tidak diberikan perhatian oleh pihak pengurusan sekolah dimana aspek kebersihan persekitaran sekolah terutamanya di sekitar luar kawasan sekolah juga tidak diberikan penekanan yang serius. Sebagai contoh, salah sebuah sekolah rendah di Selayang, Selangor yang terletak di tepi jalan utama mempunyai persekitaran yang tidak bersih terutamanya di bahagian kawasan belakang sekolah yang tidak berpagar dan kotor dengan sampah-sarap yang memenuhi longkang-longkang. Ini menyebabkan pengaliran air tidak sempurna dan menjadi tempat pembiakan nyamuk pula (Utusan Malaysia, 23/04/1999).

Dari contoh yang diberikan, ia memberikan gambaran bahawa terdapat juga sesetengah pengurusan sekolah yang tidak peka kepada masalah isu kesihatan. Perkara ini adalah sangat serius kerana sekolah merupakan tempat di mana guru-guru bekerja dan memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar mereka sendiri. Sekiranya kawasan persekitaran sekolah tidak bersih, maka masalah persekitaran yang kurang selesa akan wujud dan masalah kesihatan pula akan berlaku kepada penghuni yang berada di dalam kawasan sekolah dan seterusnya kepada masyarakat setempat yang berada di luar kawasan sekolah tersebut.

Perkara ini membuktikan bahawa isu keselamatan dan kesihatan tidak boleh dipisahkan dimana-mana tempat kerja samada di sektor pendidikan, perindustrian dan pertanian. Menurut Akta 514, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah meletakkan tanggungjawab keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa bekerja kepada pihak majikan dimana pihak majikan hendaklah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang dipengerusikannya sendiri di tempat kerja sekiranya jumlah pekerjanya adalah seramai 40 orang pekerja atau lebih. Menurut akta tersebut, majikan adalah satu pihak yang mewujudkan suatu risiko dan pekerja adalah satu pihak yang bekerja dengan risiko tersebut (Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994).

Ia membawa maksud bahawa majikan bukan hanya bertanggungjawab sekiranya berlaku sesuatu kemalangan, malah majikan juga bertanggungjawab untuk mencegah kemalangan. Perundangan sebenarnya memerlukan majikan mangambil usaha dan tindakan untuk memastikan kemalangan tidak berlaku. Bagi memastikan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ini dijalankan seperti yang terkandung dalam Seksyen 16, Bahagian IV, kewajipan untuk membentuk dasar keselamatan dan kesihatan yang berbunyi:

*“Kecuali dalam apa-apa hal yang ditetapkan, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk menyediakan dan seberapa kerap yang sesuai mengkaji semula pernyataan bertulis dasar amnya berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya semasa bekerja dan organisasi dan perkiraan yang sedang berkuatkuasa bagi menjalankan dasar itu, dan membawa pernyataan dan apa-apa kajian semulanya kepada perhatian kesemua pekerja.”..*

(Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994, muka surat 10)

Pihak majikan perlu membangunkan satu sistem kerja dan pengurusan yang cekap serta kemas melalui dasar keselamatan dan kesihatan yang dibentuk bagi menangani perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Bermula dengan satu polisi keselamatan dan kesihatan untuk pekerja-pekerjanya, pihak majikan juga perlu mengadakan satu jawatankuasa yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan untuk dilaksanakan.

Sebagai sebuah Institut Latihan Awam (ILA) di bawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor tidak terkecuali dari memikul tanggungjawab dalam menguatkuasakan Akta 514, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kerana kemalangan dan wabak penyakit boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa disedari sekiranya tidak di ambil langkah berjaga-jaga di peringkat awal. Oleh itu, seharusnya satu sistem pengurusan kerja yang berkait rapat dengan keselamatan dan kesihatan telah dibuat dan diadakan oleh pihak Institut bagi menangani isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di Institut tersebut.

Sehingga kini, tiada kajian yang dibuat berhubung dengan isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di Institut tersebut. Oleh itu, disertasi ini adalah untuk menumpukan kepada keberkesanan sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diamalkan oleh ILP Pasir Gudang beserta dengan polisi-polisi keselamatan dan kesihatan yang sedia ada untuk pekerjanya seperti yang dikehendaki dalam Akta 514, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada isu-isu yang dikemukakan dalam bahagian pengenalan sebelum ini, objektif kajian yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

- i. Mengenalpasti polisi dan sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan yang dipraktikkan oleh pengurusan ILP Pasir Gudang;
- ii. Menilai tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke atas pekerja ILP Pasir Gudang; dan
- iii. Memberikan cadangan dan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di ILP Pasir Gudang.

### **1.4 Skop Kajian**

Skop bagi kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- i. Kajian ini hanya difokuskan di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Jalan Gangsa, 81700 Pasir Gudang, Johor; dan

- ii. Pengedaran borang soal selidik hanya akan difokuskan kepada semua pekerja di ILP Pasir Gudang, Johor iaitu kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan pengajar di Bahagian Teknikal.

## **1.5 Jangkaan Hasil Daripada Kajian**

Daripada kajian ini, polisi dan sistem pengurusan kerja dari aspek keselamatan dan kesihatan yang diamalkan oleh ILP Pasir Gudang dapat dikenalpasti. Justeru itu, potensi untuk mempertingkatakan tahap keselamatan dan kesihatan yang sedia ada dapat dikenali. Hasil ini bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada pihak ILP Pasir Gudang malah boleh menjadi contoh kepada Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang lain di bawah Kementerian Sumber Manusia seterusnya meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara secara amnya.

## **1.6 Organisasi Bab**

Dalam kajian ini, terdapat enam bab akan diwujudkan secara berperingkat dan berikut adalah deskripsi tentang bab-bab yang terkandung di dalam kajian ini:

**a) Bab 1 : Isu Perlaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Di Tempat Kerja**

Bab ini akan menerangkan serba ringkas tentang latarbelakang kajian kes selain membincangkan isu yang timbul di kawasan kajian dalam penyataan masalah. Selain itu, bab ini juga dinyatakan sekali tentang objektif kajian yang cuba dicapai, matlamat skop kajian, jangkaan hasil daripada kajian yang dibuat dan huraihan ringkasan tentang bab-bab lain yang terkandung di dalam laporan ini.

**b) Bab 2 : Kaedah Melaksanakan Kajian Kes**

Bab ini akan menerangkan serba ringkas tentang kaedah untuk menjalankan kajian yang dibuat bagi mencapai setiap objektif kajian.

**c) Bab 3 : Kemalangan Di Tempat Kerja**

Bab ini akan menerangkan tentang kategori kemalangan, punca-punca kemalangan, elemen kemalangan dan kepentingan peralatan serta pemakaian keselamatan bagi mengelakkan kemalangan berlaku di tempat kerja.

**d) Bab 4 : Polisi dan Sistem Pengurusan Kerja Yang Berkaitan Dengan Keselamatan dan Kesihatan Di ILP Pasir Gudang**

Bab ini akan menerangkan tentang kajian yang akan dibuat bagi membolehkan objektif yang pertama dicapai. Oleh itu, polisi dan sistem pengurusan kerja akan dapat dikenalpasti.

**e) Bab 5 : Penilaian Tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di ILP Pasir Gudang**

Bab ini akan membincangkan tentang hasil kajian yang akan dibuat berdasarkan kepada data yang diperolehi pengedaran dari Borang Soal Selidik kepada pihak responden. Data yang diambil adalah untuk memenuhi objektif yang kedua.

**f) Bab 6 : Cadangan dan Kesimpulan**

Bab ini akan membincangkan tentang kesimpulan, cadangan penambahbaikan dari hasil kajian yang telah dibuat berdasarkan kepada keputusan dan perbincangan dalam Bab 4 dan Bab 5 dan seterusnya cadangan kajian lanjutan. Bab ini adalah untuk memenuhi objektif yang ketiga.

## 1.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini adalah untuk menjelaskan tentang kajian yang akan dilaksanakan. Ia merupakan rangka kajian yang akan dijadikan sebagai panduan bagi perlaksanaan kajian ini untuk mencapai objektif-objektif berdasarkan kepada isu yang timbul.

## RUJUKAN

- Ahmad Zainoreen (2006). *Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Telekom Malaysia Berhad*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2006). Kamus Dewan (Edisi Keempat). Kuala Lumpur.
- Ismail Bahari (2006). *Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan*. (Edisi kedua). Bangi : McGraw Hill.
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2007). *Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Awam 2007*. Putrajaya : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Jabatan Tenaga Manusia (2007). *Dasar dan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, JTM*. Putrajaya : Jabatan Tenaga Manusia.
- Kazutaki, K. (1997). *Environmental Management and Health : Historical development in occupational and environmental health*. Kawasaki, Japan : Institute for Science of Labour. 151-153
- Kebersihan sekolah tidak peduli kawasan luar pagar (1999, 23 April). *Akhbar Utusan Malaysia*.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2007). *Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan*. Putrajaya : Kementerian Kewangan Malaysia.

Mahathir Mohamad (1994). *Penerbitan Khas – Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994 : Perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia*. Kuala Lumpur : Kementerian Sumber Manusia. 9-11.

Laney, J.C. (1982). *Site Safety*. United States of America : Construction Press.

Lee Lam Thye (2007). *Program KKP di Sekolah*. Buletin Selamat dan Sihat. Petaling Jaya : Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. 5.

Luise, V. (2000). Managing homeworking: health and safety responsibilites. *Employee Relations*. 22 (6), 540-554.

Undang-Undang Malaysia (2006). *Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan-Peraturan. Bahagian IV Kewajipan Am Majikan Dan Orang Yang Bekerja Sendiri*. Kuala Lumpur : MDC Publishers. 9-11.

Zanariah Kadir (2007). *Persepsi Pelanggan Terhadap Aplikasi Perjanjian Tahap Perkhidmatan Dalam Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Di Institusi Pengajian Tinggi*. Projek Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

12 pelajar cedera di hempap konkrit di Sungai Siput, Perak (2006, 15 September). *Akhbar Utusan Malaysia..*